

TAHAP SOKONGAN KELUARGA PEKERJA PERUSAHAAN KECIL DAN SEDERHANA (PKS) TERHADAP TAHAP KETERLIBATAN PROGRAM PEMBELAJARAN SEPANJANG HAYAT (PSH)

ZARINA BINTI KASSIM
NOR AISHAH BINTI BUANG
MUHAMMAD BIN HUSSIN

ABSTRAK

Teori Anne Roe (1957) menjelaskan bahawa terdapat hubungan yang signifikan antara pembangunan diri dan kerjaya individu dengan latar belakang keluarga. Gaya didikan dan asuhan daripada keluarga mempengaruhi minat dan kecenderungan individu terhadap akademik dan pemilihan kerjaya. Kajian lepas menunjukkan faktor keluarga merupakan antara halangan pekerja untuk mengikuti program pendidikan dan latihan di negara ini seperti masalah kewangan, bimbang tidak dapat memberikan komitmen antara keluarga, pembelajaran dan kerjaya, tidak mendapat sokongan pasangan atau ibu bapa dan sebagainya. Sehubungan itu, program Pembelajaran Sepanjang Hayat (PSH) merupakan inisiatif kerajaan bagi memberi peluang kepada individu tercicir daripada sistem pendidikan pada kadar yuran minimum seterusnya meningkatkan abaliti pekerja dalam pasaran buruh. Justeru, artikel ini bertujuan untuk mengenal pasti tahap sokongan keluarga pekerja Perusahaan Kecil dan Sederhana (PKS) dalam program PSH. Kajian ini mengaplikasikan pendekatan secara kuantitatif menggunakan reka bentuk soal selidik keratan rentas. Seramai 1148 pekerja PKS daripada sektor perkhidmatan dan pembuatan dipilih sebagai responden. Pekali korelasi menunjukkan tahap sokongan keluarga pekerja PKS terhadap program PSH adalah sederhana ($r=0.471$). Sementara dapatan analisis MANOVA menunjukkan terdapat perbezaan yang signifikan tahap sokongan keluarga terhadap keterlibatan pekerja PKS dalam PSH berdasarkan latar belakang pendidikan [$F=44.534$; $p=0.000$ ($p<0.05$) dan tingkat pendapatan individu [$F=29.527$; $p=0.000$ ($p<0.05$). Sementara faktor gender [$F=2.024$; $p=0.073$ ($p<0.05$) dan umur [$F=1.173$; $p=0.268$ ($p<0.05$) tidak memberikan kesan secara signifikan.

Kata kunci: PSH; PKS; komitmen; pembangunan kerjaya

PENGENALAN

Sumbangan Perusahaan Kecil dan Sederhana (PKS) sebanyak 65.3% terhadap kadar guna tenaga di Malaysia pada 2016, 64.5% pada 2015 dan 65.0% pada 2014 telah membuktikan bahawa PKS di negara ini masih berorientasikan modal buruh. Teori ekonomi modal manusia menjelaskan bahawa modal insan berkualiti merupakan aset pelaburan terbaik sebagai persediaan menghadapi cabaran pasaran terbuka akibat globalisasi dan liberalisasi perdagangan. Bagi mencapai tujuan tersebut, pelbagai inisiatif dilakukan oleh kerajaan bagi meningkatkan lagi kapasiti dan keupayaan modal insan PKS. Antaranya melalui pendidikan dan latihan. Pendemokrasian pendidikan dalam Program Pembelajaran Sepanjang Hayat (PSH) merupakan antara usaha kerajaan menambah baik sistem pendidikan negara dan secara tidak langsung memberi peluang kepada masyarakat khususnya individu yang tercicir daripada sistem pendidikan untuk meningkatkan jurang pengetahuan dan kemahiran sedia ada.

Sementara itu, teori Anne Roe (1957) ada menyatakan bahawa terdapat hubungan yang signifikan antara orientasi pembelajaran dan pembangunan kerjaya individu. Sekiranya individu dibesarkan dalam asuhan ibu bapa dan persekitaran masyarakat yang menitikberatkan perkembangan dan prestasi pendidikan, maka akan lahirkan budaya pembelajaran sepanjang hayat dalam kalangan masyarakat. Namun, kajian di negara ini mendapati tahap penglibatan masyarakat dalam program PSH masih berada pada tahap yang rendah. Malahan tahap pengetahuan dan kesediaan masyarakat untuk terlibat dalam PSH masih berada pada tahap sederhana (Jamunarani 2014).

Bagi individu yang telah berkeluarga khususnya golongan wanita, bukan suatu keputusan yang mudah untuk melibatkan diri dalam pembelajaran (Khalid & Mahathir 2013). Kajian Rahmah et.al (2013) menunjukkan golongan wanita juga mempunyai peluang yang lebih rendah berbanding lelaki untuk terlibat dalam pendidikan dan latihan daripada majikan. Hal ini disebabkan oleh tanggungjawab yang dipikul wanita lebih besar kerana wanita memainkan peranan penting dalam urusan keluarga terutamanya anak-anak. Kajian ini menyokong dapatan kajian Blundell et al. (1996) dan Pischke (2001) yang mendapati pekerja lelaki mempunyai peluang yang lebih tinggi untuk mendapat pendidikan dan latihan berbanding pekerja wanita.

Dalam konteks kajian ini juga, kajian-kajian lepas menunjukkan faktor sokongan keluarga boleh mempengaruhi tahap penglibatan individu dalam pembelajaran. Keluarga memberi kesan yang mendalam dalam mendidik keperibadian individu (Noorjihan 2014). Ibu bapa berperanan dalam mewujudkan persekitaran yang kondusif bagi membentuk pengamalan pembudayaan pembelajaran sepanjang hayat dalam kalangan anak-anak. Menurut Maheran (2013), darjah kemampuan ibu bapa yang rendah untuk membiayai persekolahan anak-anak dari peringkat awal menyebabkan segelintir pekerja tidak

berpeluang mendapat pendidikan ke tahap yang lebih tinggi. Bahkan dorongan ibu bapa juga dapat memberikan kesan inspirasi kepada anak-anak dalam pemilihan kerjaya mereka (Mohd Nasir Ripin & Ana Fariha 2010).

Justeru, artikel ini bertujuan untuk (i) mengenal pasti tahap sokongan keluarga terhadap tahap keterlibatan pekerja PKS dalam PSH; (ii) mengenal pasti hubungan antara tahap sokongan keluarga dengan tahap keterlibatan pekerja PKS dalam PSH. (iii) mengenal pasti sama ada terdapat perbezaan yang signifikan tahap sokongan keluarga terhadap tahap keterlibatan pekerja dalam PSH berdasarkan umur, jantina, tingkat pendapatan dan tahap pendidikan.

KAJIAN LEPAS

Teori yang dikemukakan oleh Anne Roe (1957) telah mengaitkan orientasi pembelajaran dan kerjaya individu dengan gaya asuhan daripada ibu bapa dan keluarga. Anne Roe (1957) telah menjelaskan bahawa terdapat hubungan yang signifikan cara didikan ibu bapa dalam membentuk personaliti anak-anak seterusnya mencorak cara hidup dan cara mereka membuat keputusan pada masa hadapan (Noraini M.Noor, 2001; Noor Izzaty et.al 2017).

Dalam konteks kajian di Malaysia, kajian oleh Maheran (2013) mendapati tidak semua individu di negara ini berpeluang untuk mendapat akses pendidikan yang baik. Hal ini disebabkan oleh terdapat perbezaan latar belakang keluarga. Menurut Maheran (2013), kebanyakkan individu daripada keluarga yang berpendapatan rendah dan miskin tidak berpeluang mendapat pendidikan tinggi disebabkan darjah kemampuan ibu bapa yang rendah untuk membiayai pengajian anak-anak mereka. Malahan, tahap pendidikan yang rendah dalam kalangan ibu bapa dan ahli keluarga menimbulkan sikap kurang kesedaran tentang keperluan pendidikan. Henderson & Mapp (2000) menyatakan kebimbangan berkenaan kurangnya sokongan dan penglibatan ibu bapa dalam aktiviti dan perkembangan pendidikan anak-anak. Menurut Henderson & Mapp (2000), keprihatinan ibu bapa terhadap perkembangan pembelajaran anak-anak akan memberi kesan yang signifikan ke atas pencapaian akademik dan pemilihan kerjaya pada masa depan.

Namun, kajian yang dilakukan oleh Abd Razak & Noraini (2011) mendapati anak-anak masih mampu memperoleh pencapaian akademik yang baik meskipun kurang penglibatan ibu bapa dalam urusan pembelajaran mereka. Kajian oleh Nor Izzaty et.al (2017) juga mendapati tiada hubungan antara cara asuhan ibu bapa dengan tahap keterlibatan dalam pembelajaran serta pemilihan kerjaya individu. Hal ini bermakna sikap individu itu sendiri masih mampu memberi implikasi kepada mereka untuk meneruskan pendidikan dan pembangunan kerjaya walaupun kurang sokongan serta perhatian daripada ibu bapa dan ahli keluarga.

Bagaimanapun, masih terdapat kajian menunjukkan masalah keluarga, kemiskinan, kurang kesedaran dan sokongan keluarga serta isu tiada budaya pendidikan dalam ahli keluarga menjadi petunjuk kepada halangan individu terutamanya pekerja untuk terlibat dalam pembelajaran (Maheran 2013; Li Sha, Christian Schunn, Meghan Bathgate 2015; Eleftheria et al. 2014). Golongan pekerja khususnya yang telah berkeluarga juga menghadapi pelbagai kekangan termasuklah dari segi pengurusan masa kerana mereka hanya mempunyai masa belajar yang terhad pada cuti hujung minggu yang sepatutnya masa untuk bersama keluarga (Rabiatul Adawiyah & Nooraida, 2015; Khalid Husseine & Mahathir, 2013). Faktor kekangan kewangan juga menyebabkan pekerja tidak yakin dapat memberikan komitmen terhadap kerjaya, keluarga dan pembelajaran (Hassline & Zuleika 2014; Ariffin, 2014). Ketidakcukupan pendapatan keluarga menyebabkan pembiayaan perbelanjaan individu terhad kepada perkara asas sahaja bagi meneruskan kelangsungan hidup. Malahan, tanggungjawab dan permasalahan keluarga menjadi halangan kepada pekerja dalam pembinaan kerjaya (Normazaini Saleh 2014; Shamundeswary 2008).

Dalam kajian Jeong-Won Han dan Ju Hee Kim (2017) mendapati wanita yang bekerja dan telah berkeluarga mengalami tahap tekanan emosi dan estim sendiri yang lebih tinggi berbanding wanita yang tidak bekerja. Hal ini disebabkan tanggungjawab besar yang digalas antara keluarga seperti menguruskan anak-anak, kerjaya dan tanggungjawab dalam pembelajaran. Oleh itu, kajian Jeong-Won Han dan Ju Hee Kim (2017) mencadangkan supaya diwujudkan program pengurusan tekanan dalam kalangan wanita yang berkahwin melalui program pendidikan bagi meningkatkan estim sendiri sekali gus mengurangkan tahap kemurungan pekerja wanita. Namun, beberapa kajian menunjukkan permasalahan keluarga juga dapat meningkatkan tahap motivasi intrinsik dan ekstrinsik pekerja untuk terlibat dalam pembelajaran. Mahaletchmy (2016) dalam kajiannya menunjukkan faktor pengurusan masa dan sokongan keluarga secara berterusan telah memberi pengaruh yang besar ke atas kejayaan mereka dalam pembelajaran walaupun dibebani dengan pelbagai tanggungjawab. Kajian di Slovakia oleh Eva Gergelova (2010) juga mendapati, tanggungjawab yang banyak telah mendorong individu untuk terlibat dalam pembelajaran demi mendapatkan peluang pekerjaan, meningkatkan pembangunan kerjaya dan mendapatkan gaji yang lebih tinggi. Justeru itu, kajian ini cuba untuk mengenal pasti tahap sokongan keluarga secara khusus terhadap tahap keterlibatan dalam program Pembelajaran Sepanjang Hayat (PSH) dalam kalangan pekerja PKS.

METODOLOGI

Kajian ini menggunakan kaedah pendekatan secara kuantitatif dengan mengaplikasikan reka bentuk penyelidikan tinjauan menggunakan borang soal selidik ke atas 1148 pekerja PKS di empat negeri iaitu Selangor, Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur & Putrajaya, Johor dan Perak. Hasil data dari soal selidik daripada kajian rintis dianalisis terlebih dahulu dengan menggunakan *Stastical Package for Social Science (SPSS) Version 20.0* bagi memilih item yang terbaik daripada item pool yang telah dirintis (Cohen dan Swerdlik 2002).

Terdapat tiga konstruk yang diukur dalam tahap sokongan keluarga iaitu (i) kerja mempengaruhi kehidupan peribadi dan keluarga; (ii) keluarga mempengaruhi kerja, dan (iii) sikap keluarga terhadap pembelajaran. Konstruk-konstruk ini dipilih berdasarkan kajian oleh Normazaini Salleh (2014) dan Zainudin (2014). Jadual 1 menunjukkan indeks kebolehpercayaan *cronbach alpha* bagi setiap sub-konstruk yang digunakan.

Jadual 1: Indeks kebolehpercayaan *cronbach alpha* dalam kajian rintis

Sub Konstruk	Bil. Item	Cronbach alpha
Kerja mempengaruhi kehidupan peribadi dan keluarga	5	0.933
Keluarga mempengaruhi kerja	5	0.875
Sikap terhadap pembelajaran	13	0.792
Keseluruhan	23	0.931

Data kemudiannya dianalisis berdasarkan analisis deskriptif dan inferensi. Dalam kajian ini, statistik inferensi melibatkan analisis korelasi Pearson dan MANOVA. Beberapa prasyarat analisis korelasi Pearson dan MANOVA telah dilakukan seperti berikut:

- (a) Pasangan pembolehubah dari sampel yang sama.
- (b) Skala pengukuran yang sama antara pembolehubah. Kedua-dua pembolehubah menggunakan skala selang.
- (c) Data bertaburan normal seperti dalam Jadual 2.

Jadual 2: Ujian normaliti berdasarkan statistik pencongan dan kutosis.

Pemboleh ubah	Min	Ralat Piawai	Pencongan		Kutosis	
			Statistik	Ralat Piawai	Statistik	Ralat Piawai
Tahap sokongan keluarga	58.7698	0.13644	0.236	0.072	-0.756	0.144

- (d) Kelinearan dan kesamaan varians atau homokedastisiti
- (e) Pemboleh ubah bebas mempunyai sekurang-kurangnya dua kategori bagi ujian MANOVA. Dalam kajian ini terdapat empat kategori iaitu faktor umur, gender, tahap pendidikan dan pendapatan.
- (f) Normaliti multivariate dan data terpencil berdasarkan nilai kritikal seperti dalam Rajah 3.

Jadual 3: Bilangan pembolehubah bersandar dan nilai kritikal yang sesuai bagi ujian MANOVA.

Bil. Pembolehubah Bersandar	Nilai Kritikal
Tahap sokongan keluarga	12.907

- (g) Kelinearan
- (h) Kehomogenan varian-kovarians melalui ujian Box's M

Jadual 4: Ujian Box's M

Pembolehubah	Box's M	Darjah Kebebasan 1	Darjah Kebebasan 2	F	Tahap Signifikan
Jantina	14.873	18.0	4071992.95	0.746	0.466
Umur	63.894	60.0	1676.62	0.920	0.650
Pendapatan	67.375	15.0	386449.77	4.443	0.000
Tahap Pendidikan	117.378	45.0	2628.61	2.353	0.000

- (i) Kesamaan varians

Jadual 5: Levene's Test of Equality of Error Variances

Pembolehubah	Nilai F	df1	df2	Sig.
Tahap sokongan keluarga	0.305	1	1146	0.581

DAPATAN KAJIAN

Bagi objektif kajian pertama, hasil analisis secara deskriptif menunjukkan secara keseluruhannya, tahap sokongan keluarga berada pada tahap sederhana (min=2.85; s.p=0.57). Bagaimanapun, tidak semua item dalam ketiga-tiga sub-konstruk berada pada tahap tinggi, terdapat lapan item daripada 27 item memperoleh skor sederhana rendah iaitu K1, K2, K4, K9, K12, K14, K17 dan K22.

Jadual 6: Kerja mempengaruhi kehidupan peribadi dan keluarga

Kod	Item	Min dan sisihan piawai	
		min	s.p
K1	Kehidupan saya dan keluarga tidak terganggu akibat tuntutan kerja saya.	2.65	0.324
K2	Jumlah masa yang saya ambil untuk kerja tidak menyukarkan saya memenuhi tanggungjawab keluarga.	2.71	0.332
K3	Perkara yang saya ingin buat di rumah seringkali dapat disiapkan kerana tuntutan kerja.	3.27	0.389
K4	Keletihan sebab kerja, tidak menyukarkan saya melakukan tugas-tugas dalam keluarga (contoh: kerja rumah dapat disiapkan atau dapat beri perhatian penuh pada anak-anak).	2.36	0.337
K5	Saya sering tidak mengubah perancangan aktiviti keluarga disebabkan kerja saya.	3.32	0.378
K6	Keluarga dapat memahami jika saya terpaksa kerja lebih masa.	2.40	0.389
K7	Keluarga dapat memahami jika saya terpaksa bekerja pada hari cuti.	3.01	0.311
	Keseluruhan	2.82	0.372

Jadual 7: Keluarga mempengaruhi kerja

Kod	Item	Min dan sisihan piawai	
		min	s.p
K8	Kerja saya tidak terganggu kerana tuntutan keluarga.	3.68	0.52
K9	Saya tidak pernah meninggalkan urusan kerja kerana tuntutan masa untuk menguruskan hal keluarga di rumah.	2.67	0.431
K10	Perkara yang ingin saya buat di tempat kerja tidak dapat disiapkan kerana urusan keluarga (contoh: kerja tertangguh kerana terpaksa ambil cuti untuk bawa ahli keluarga ke klinik atau urusan lain).	3.29	0.46
K11	Keupayaan saya melaksanakan tugas di tempat kerja tidak terganggu walaupun letih menguruskan keluarga.	3.31	0.33
K12	Tanggungjawab saya di tempat kerja (contoh: hadir kerja tepat pada masa) tidak terganggu walaupun saya sibuk menguruskan rumahtangga.	2.87	0.295
K13	Keluarga tidak pernah mengganggu waktu kerja saya walaupun terpaksa bekerja pada hari cuti.	3.05	0.467
K14	Secara keseluruhannya, keluarga amat memahami tugas dan kerjaya saya.	2.36	0.337
	Keseluruhan	2.78	0.342

Jadual 8: Sikap keluarga terhadap pembelajaran

Kod	Item	Min dan sisihan piawai	
		min	s.p
K15	Ahli keluarga menggalakkan saya untuk melanjutkan pelajaran.	3.15	0.512
K16	Ibu bapa saya telah menabung wang untuk perbelanjaan pengajian saya.	3.06	0.545
K17	Ibu bapa saya sering melibatkan diri dalam aktiviti yang diadakan pihak sekolah semasa saya bersekolah dahulu.	2.75	0.344
K18	Ahli keluarga saya berbincang dengan saya berkaitan perancangan saya untuk terlibat dalam program pembelajaran.	3.32	0.44
K19	Ahli keluarga mengurangkan gangguan bunyi daripada radio/televisyen semasa saya sedang belajar.	3.12	0.42
K20	Ahli keluarga selalu memastikan bahawa tempat belajar di rumah sentiasa kemas dan bersih.	3.27	0.43
K21	Ahli keluarga sedia membantu perkembangan pendidikan saya jika ia memberi kesan positif kepada pembangunan kerjaya.	3.26	0.461
K22	Ahli keluarga saya mengetahui maklumat berkaitan peluang untuk melanjutkan pelajaran.	2.61	0.323
K23	Keluarga sedia membantu sekiranya saya mengalami masalah kewangan untuk mengikuti program belajar sambil bekerja.	3.23	0.481
K24	Ahli keluarga mempunyai sikap toleransi jika saya tidak dapat meluangkan masa bersama disebabkan sibuk dengan kerjaya dan pelajaran.	3.04	0.514
K25	Ahli keluarga selalu memberikan dorongan dan semangat kepada saya untuk cemerlang dalam kerjaya dan pelajaran.	3.56	0.533
K26	Keluarga saya sangat memahami keperluan pendidikan kepada anak-anak.	3.45	0.521
K27	Ahli keluarga merupakan golongan berpelajaran dan menjadi aspirasi saya untuk cemerlang dalam kerjaya dan pelajaran.	3.13	0.320
	Keseluruhan	3.23	0.541

Bagi menjawab objektif kajian kedua, hipotesis nol pertama (H01) dibentuk berdasarkan persoalan kajian yang dibina:

H01 :Tidak terdapat hubungan yang signifikan antara tahap sokongan keluarga dengan tahap keterlibatan pekerja PKS dalam PSH.

Hipotesis nol pertama yang dibentuk diuji dengan analisis korelasi Pearson bagi melihat hubungan antara tahap sokongan keluarga dengan tahap keterlibatan pekerja PKS dalam PSH. Jadual 9 memaparkan keputusan ujian yang mendapati nilai r ialah 0.471 dan $p=0.000$, iaitu $p<0.05$. Nilai tersebut menunjukkan bahawa hipotesis nol kedua (H01) berjaya ditolak. Ini menunjukkan bahawa terdapat hubungan yang sederhana antara tahap sokongan keluarga dengan tahap keterlibatan pekerja PKS dalam PSH.

Jadual 9: Hubungan antara tahap sokongan keluarga dengan tahap keterlibatan pekerja PKS dalam PSH.

Pembolehubah	r	Sig.
Tahap sokongan keluarga	0.471	0.000*

Bagi menjawab objektif kajian ketiga, hipotesis nol kedua, ketiga, keempat dan kelima (H02, H03, H04, H05) dibentuk seperti berikut:

H02 :Tidak terdapat perbezaan yang signifikan tahap sokongan keluarga terhadap tahap keterlibatan pekerja PKS dalam PSH berdasarkan umur.

H03 :Tidak terdapat perbezaan yang signifikan tahap sokongan keluarga terhadap tahap keterlibatan pekerja PKS dalam PSH berdasarkan jantina.

H04 :Tidak terdapat perbezaan yang signifikan tahap sokongan keluarga terhadap tahap keterlibatan pekerja PKS dalam PSH berdasarkan tingkat pendapatan.

H05 :Tidak terdapat perbezaan yang signifikan tahap sokongan keluarga terhadap tahap keterlibatan pekerja PKS dalam PSH berdasarkan tahap pendidikan.

Jadual 10: Analisis MANOVA perbezaan tahap sokongan majikan dan tahap sokongan keluarga berdasarkan jantina, umur, tingkat pendapatan dan tahap pendidikan.

Kesan	Nilai Wilk's Lamba	Nilai F	D.K antara Kumpulan	D.K dalam Kumpulan	Sig.
Umur	0.980	1.173	1.000	1146	0.268
Jantina	0.991	2.024	1.000	1146	0.073
Pendapatan	0.695	29.527	1.000	1146	0.000*
Tahap Pendidikan	0.588	44.534	1.000	1146	0.000*

Berdasarkan Jadual 5, keputusan ujian Wilks Lamba, nilai yang diperolehi daripada ujian multivariat bagi kedua-dua pembolehubah bersandar adalah $[F=1.173; p=0.268 (p<0.05)]$. Nilai tersebut menunjukkan bahawa hipotesis nol kedua gagal ditolak. Ini bermakna tidak terdapat perbezaan tahap sokongan keluarga terhadap tahap keterlibatan pekerja PKS dalam PSH berdasarkan umur. Begitu juga dengan tahap keterlibatan pekerja dalam program PSH yang mana tidak terdapat perbezaan berdasarkan jantina $[F=2.024; p=0.073 (p<0.05)]$. Ini menunjukkan bahawa hipotesis nol ketiga gagal ditolak.

Bagaimanapun, terdapat perbezaan tahap sokongan keluarga terhadap tahap keterlibatan pekerja PKS dalam PSH berdasarkan tingkat pendapatan dan tahap pendidikan yang mana keputusan ujian Wilks Lamba, masing-masing $[F=29.527; p=0.000 (p<0.05)]$ dan $[F=44.534; p=0.000 (p<0.05)]$. Ini menunjukkan hipotesis nol keempat dan kelima berjaya ditolak.

Seperti yang dinyatakan sebelum ini, terdapat perbezaan tahap sokongan keluarga terhadap tahap keterlibatan pekerja PKS dalam PSH berdasarkan jumlah pendapatan dan tahap pendidikan. Bagi memastikan tingkat pendapatan dan tahap pendidikan mana yang mempunyai skor yang tinggi, maka keputusan *Estimated Marginal Means* dalam Jadual 11 dan Jadual 12 adalah dirujuk.

Jadual 11: Perbezaan tahap sokongan keluarga terhadap tahap keterlibatan PSH dalam kalangan pekerja PKS berdasarkan tingkat pendapatan.

Pembolehubah	Pendapatan Sebulan	Min	Ralat Piawai
Keluarga	RM 2,000 ke bawah	57.760	0.151
	RM 2001 - RM3000	61.071	0.800
	RM 3001 - RM4000	61.830	0.235
	RM 4001 - RM5000	62.000	1.131

Jadual 12: Perbezaan tahap sokongan keluarga terhadap tahap keterlibatan PSH dalam kalangan pekerja PKS berdasarkan tahap pendidikan.

Pembolehubah	Tahap Pendidikan Tertinggi	Min	Ralat Piawai
Keluarga	Sijil (SPM/STPM/Kemahiran)	57.6170	3.96496
	Diploma	62.4950	4.21528
	Ijazah Sarjana Muda	61.2356	4.83790
	Ijazah Sarjana	60.4444	3.90868
	Total	59.0375	4.62277

KESIMPULAN

Secara keseluruhannya, tahap sokongan keluarga berada pada tahap sederhana dan wujud hubungan yang signifikan pada tahap sederhana antara sokongan keluarga dengan keterlibatan pekerja PKS dalam PSH. Terdapat juga perbezaan signifikan antara tingkat pendapatan dan tahap pendidikan dengan tahap sokongan keluarga tetapi tidak wujud perbezaan yang signifikan antara perbezaan umur dan jantina pekerja. Hasil kajian ini memberi kesimpulan bahawa institusi keluarga memainkan peranan dalam penglibatan pekerja PKS dalam PSH. Sikap ahli keluarga terhadap pembelajaran dalam sub-konstruksi yang digunakan dalam kajian ini berada pada tahap sederhana tinggi iaitu pada $\text{min} = 3.23$ dan sisihan piawai $= 0.541$. Hal ini menunjukkan masyarakat mula sedar tentang kepentingan pembelajaran dalam kehidupan mereka. Bagaimanapun, kekangan yang dihadapi pekerja dari aspek kewangan, pengurusan masa antara kerjaya, keluarga dan pembelajaran, implikasi sokongan majikan dan struktur pembelajaran menjadi halangan kepada keterlibatan pekerja PKS untuk terlibat dalam PSH (M. Nasran 2016; Latifah 2009; M. Fairus 2014; Ahmad Rafli 2007; Siti Sarawati et al 2012). Sehubungan itu, kajian ini memberi implikasi penting kepada pelaksanaan dasar pembelajaran sepanjang hayat khususnya dalam kalangan pekerja khususnya berpendapatan rendah dan sederhana. Pertama, membantu mengatasi beban kewangan pekerja terutamanya yang telah berkeluarga untuk mengikuti program Pembelajaran Sepanjang Hayat seperti pengecualian yuran persekolahan anak-anak atau pemberian elaun pendidikan kepada setiap pekerja yang telah berkeluarga secara bulanan. Kedua, memberi pelepasan hari bekerja kepada pekerja yang mengikuti sebarang kelas atau bengkel supaya pekerja dapat membahagikan masa dengan baik antara kerjaya, pembelajaran dan masa untuk bersama keluarga. Bagaimanapun, kolaborasi antara pihak Kementerian Pengajian Tinggi dan pihak industri amat penting bagi mencapai matlamat membudayakan pembelajaran sepanjang hayat dalam kalangan masyarakat di negara ini khususnya kepada golongan pekerja PKS.

RUJUKAN

- Ahmad Rafli Che Omar, Siti Zahrah Buyong & Mohamed Saladin Abdul Rasool. 2007. Modal Teroka dan Kedudukan Kewangan Perniagaan Kecil dalam Era k-Economy. Pembangunan Sumber Manusia dalam Era K-Economy. Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia Bangi, 2007.
- Arifin Hj Zainal. 2014. Maklum Balas Pelajar Terhadap Program Prasiswazah Fakulti Sains Sosial Gunaan (FASS). Seminar Kebangsaan Pembelajaran Sepanjang Hayat 2014.
- Armstrong-Stassen, M., & Schlosser, F. (2011) *Perceived organizational membership and the retention of older workers*, *Journal of Organizational Behavior* 32(2): 319-344.
- Cohen, R. J. & Swerdlik, M. E. 2002. *Physiological Testing and Assessment: An Introduction to Test and Measurement*. Edisi ke-5. Boston. McGraw-Hill.
- Eva Gergelová. 2010. Motivation For Lifelong Learning In Terms Of (Un)Employment. International IGIP-SEFI Annual Conference 2010, 19th - 22nd September 2010, Trnava, Slovakia.
- Jamunarani A/P Muthusamy. 2014. Penglibatan Komuniti Dalam Kursus Pendek Anjuran Jabatan Pembelajaran Sepanjang Hayat Kolej Komuniti Kuala Langat. Seminar Kebangsaan Pembelajaran Sepanjang Hayat 2014.
- Jeong-Won Han & Ju Hee Kim. 2017. Moderated Mediation Effect Of Self-Esteem On The Relationship Between Parenting Stress And Depression According To Employment Status In Married Women: A Longitudinal Study Utilizing Data From Panel Study On Korean Children. *Asian Nursing Research* 11 (2017) 134e141
- Latifah Abdol Latif & Ramli Bahroom. 2014. *Employability Skills: Closing The Gap Between Employers' Expectations And Satisfaction*. Seminar Kebangsaan Pembelajaran Sepanjang Hayat 2014.
- Mahaletchery Nagalingam. 2016. Married Women with Children, Working and Continuing Their Education. Seminar Kebangsaan Pembelajaran Sepanjang Hayat 2016.
- Maheran Baharum. 2013. Ketersediaan Kepada Peluang Pendidikan di Semenanjung Malaysia: Satu Kajian di Daerah Kota Star dan Padang Terap, Kedah. Tesis Doktor Falsafah, Fakulti Pendidikan, UKM.
- Mohd Azraai Kassim, Zakaria Mohd Yusof, Mohd Fua'ad Rahmat, Salleh Kassim, Noor Azidah Ahmad. 2016. Cabaran Pelaksanaan Program Pembelajaran Sepanjang Hayat (PSH) Di Pusat Pembangunan Profesional (PPP), UTMSpace Seminar Kebangsaan Pembelajaran Sepanjang Hayat 2016.
- Mohd Ripin Nasir & Ana Fariha. 2010. Faktor Pendorong Pemilihan Kerjaya Perguruan di Kalangan Pelajar Tahun Satu Fakulti Pendidikan, UTM Skudai. Fakulti Pendidikan Universiti Teknologi Malaysia.
- Mohamed Asmy Mohd Thas Thaker, Mustafa Omar Mohammed, Jarita Duasa, Moha Asri Abdullah. 2016. *The Behavioral Intention of Micro Enterprises to Use the Integrated Cash Waqf Micro Enterprise Investment (ICWME-I) Model as a Source of Financing*. *Gadjah Mada International Journal of Business*. Vol 18, No 2 (2016).
- Noor Hassline Binti Mohamed & Noor Zuleika Binti Zulkipli. 2014. *Factors Influencing Attrition among Learners: Faculty Of Applied Social Sciences In OUM*. Seminar Kebangsaan Pembelajaran Sepanjang Hayat 2014.
- Rahmah Ismail, Zulridah Mohd Noor, Salma Hamzah. 2013. Penentu Penglibatan Pekerja Dalam Latihan Pembangunan Sumber Manusia Berhad. *Jurnal Ekonomi Malaysia* 47(1) 2013 109 – 124.
- Sanjeeva Perera, Shruti R. Sardeshmukh & Carol T. Kulik. 2012. *Stay, Go Or Pause: Older Workers' Employment Decisions*. *Journal of Management* 36(1): 172-206.
- Zainudin Abu Bakar. 2014. Pembelajaran Sepanjang Hayat Daripada Perspektif Pengaruh Ibu bapa. Seminar Kebangsaan Pembelajaran Sepanjang Hayat 2014.

Zarina Binti Kassim
Fakulti Pendidikan
Universiti Kebangsaan Malaysia
43600 UKM Bangi,
Selangor Darul Ehsan.
zarina.phduk@gmail.com